



GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN (EDISI 2021)



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



CAWANGAN PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT
BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN

© Kementerian Kesihatan Malaysia 2021

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa jua bentuk atau alat mekanikal atau elektronik kecuali setelah mendapat kebenaran daripada penerbit.

Edisi Kedua 2021

Diterbitkan oleh:

Cawangan Penyakit Tidak Berjangkit (NCD)
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 2, Blok E3, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
Tel: 603-8892 4895 • Faks: 603-8892 4526
Laman web: <http://www.moh.gov.my>

ISI KANDUNGAN

1.	Latar Belakang	1
2.	Objektif	3
3.	Skop Larangan Penjualan Makanan Dan Minuman Di Luar Pagar Sekolah	3
4.	Penguatkuasaan Dan Pemantauan	4
5.	Penutup	4
6.	Senarai Ahli Jawantankuasa Penerbitan Garis Panduan	5
7.	Lampiran A	6
8.	Lampiran B	7
9.	Lampiran C	8
10.	Lampiran D	13
11.	Lampiran E	14

GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN

1.0 LATAR BELAKANG

Malaysia kini sedang berhadapan dengan masalah obesiti yang semakin membimbangkan dalam setiap peringkat umur. Kajian menunjukkan kanak-kanak obes lebih cenderung untuk menjadi obes apabila dewasa dan berisiko mendapat penyakit kardiovaskular serta penyakit-penyakit tidak berjangkit (*Non-Communicable Disease* atau NCD) yang lain.

Hasil Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) yang dijalankan pada tahun 2012 dan 2017, mendapati bahawa prevalen berlebihan berat badan dan obesiti dalam kalangan murid 10 hingga 17 tahun telah meningkat daripada 26.9% pada tahun 2012 kepada 30.4% pada 2017 [1,2]. NHMS 2019 mendapati 29.8% kanak-kanak berumur 5 hingga 17 tahun berlebihan berat badan dan obes [3]. Ini menunjukkan bahawa 1 daripada 3 orang murid sekolah mengalami masalah berlebihan berat badan dan obes pada masa kini.

Pada tahun 2018, saringan Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan (SEGAK) mencatatkan prevalens berlebihan berat badan dan obes dalam kalangan murid Tahun 4 hingga Tingkatan 5 adalah di antara 16% hingga 36% [4]. Manakala, Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah, Kementerian Pendidikan Malaysia pula menunjukkan peningkatan peratusan berlebihan berat badan dan obes yang ketara iaitu daripada 27.2% (2017) kepada 32.8% (2018) dalam kalangan murid Tahun 6 [5,6].

Hasil analisis pemantauan mengenai Larangan Penjualan Makanan dan Minuman di Luar Pagar Sekolah yang telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada tahun 2020 di lima negeri terpilih menunjukkan bahawa kebanyakan penjaja menjual makanan yang tinggi lemak, gula dan garam.

Penjualan makanan dan minuman di kantin sekolah telah dikawal serta dipantau secara berkala agar mematuhi Panduan Pengurusan Kantin Sekolah. Panduan ini menyenaraikan makanan dan minuman yang boleh dan dilarang dijual di kantin sekolah. Justeru, dengan melaksanakan penguatkuasaan Larangan Penjualan Makanan dan Minuman di Luar Pagar Sekolah oleh PBT ini akan dapat melengkapkan serta memantapkan lagi ekosistem persekitaran dan amalan pemakanan sihat di sekolah.

GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet bagi Persekutuan Hidup Yang Sihat (JKPHS) Siri 1, Bil.1/2011 pada 4 April 2011 yang telah dipengerusikan oleh YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia telah bersetuju supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyelaraskan pelaksanaan undang-undang kecil berkaitan garis panduan penguatkuasaan bagi Larangan Penjualan Makanan dan Minuman di Luar Pagar Sekolah oleh PBT. Ini bertujuan untuk mengurangkan kemudahdapatkan dan kemudahcapaian makanan serta minuman yang dikategorikan tidak sihat. Selain daripada itu, pelaksanaan garis panduan ini akan memastikan makanan dan minuman yang dibenarkan dijual adalah bersesuaian.

KPKT melalui Pekeliling KSU Bil. 4/2012 telah menyatakan bahawa Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-65 pada 21 Mac 2012 telah meluluskan Garis Panduan Penguatkuasaan Larangan Penjualan Makanan dan Minuman di Luar Pagar Sekolah oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Pekeliling itu juga telah berkuatkuasa serta merta pada 13 Julai 2012 (Lampiran C).

Pada 9 Mac 2017, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membangkitkan isu penjualan makanan dan minuman yang makin berleluasa dan kurangnya *visibility* tindakan penguatkuasaan yang dijalankan oleh PBT kepada KPkt.

Pada 23 Mac 2017, Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), KPkt telah memperingatkan PBT agar menguatkuasakan Larangan tersebut dan KPkt juga memohon untuk mempertingkatkan penguatkuasaan serta mengemukakan laporan berkala (Lampiran B).

Pelaksanaan Garis Panduan ini jika berkaitan, perlu mematuhi keperluan di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

[1] Institute for Public Health (IPH), Ministry of Health Malaysia. 2013. The National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2012: Malaysia Global School-Based Nutrition Survey.

[2] Institute for Public Health (IPH), Ministry of Health Malaysia. 2018. National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2017: Adolescent Nutrition Survey.

[3] Institute for Public Health (IPH), Ministry of Health Malaysia. 2020. National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2019: Vol. I: NCDs- Non-Communicable Diseases: Risk Factors and Other Health Problems.

[4] Kementerian Pendidikan Malaysia. 2018. Panduan Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan untuk Murid Sekolah Malaysia.

[5] Kementerian Pendidikan Malaysia. 2017. Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah 2017.

[6] Kementerian Pendidikan Malaysia. 2018. Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah 2018.

GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN

2.0 OBJEKTIF

Objektif utama garis panduan ini adalah untuk menyelaraskan undang-undang kecil PBT dalam penguatkuasaan larangan penjualan makanan dan minuman di luar pagar sekolah.

3.0 SKOP LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH

Secara dasarnya, penjualan makanan dan minuman di dalam lingkungan 40 meter dari pagar sekeliling sekolah adalah dilarang bagi semua premis makanan termasuk penjaja statik, penjaja beredar dan penjaja sementara. Walau bagaimanapun, penjaja statik atau peniaga gerai sedia ada berlesen di dalam lingkungan 40 meter dari pagar sekeliling sekolah, dibenarkan menjual makanan dan minuman tetapi perlu mematuhi senarai makanan dan minuman yang dilarang dijual.

Pindaan/Tambahan Kepada Undang-Undang Kecil PBT Berkaitan Penguatkuasaan Larangan Penjualan Makanan dan Minuman di Luar Pagar Sekolah.

Pada masa ini, Undang-Undang Kecil PBT yang sedia ada berkaitan penguatkuasaan bagi larangan penjualan makanan dan minuman di luar pagar sekolah adalah tidak seragam. Ketidakseragaman ini adalah dari aspek lingkungan jarak tapak penjualan makanan dan minuman dari pagar sekolah yang tidak dinyatakan dengan jelas dan juga jenis makanan dan minuman yang dibenarkan dijual.

Pindaan/tambahan kepada Undang-Undang Kecil PBT berkaitan penguatkuasaan larangan penjualan makanan dan minuman di luar pagar sekolah adalah seperti berikut:

- a) Penjualan makanan dan minuman di dalam lingkungan 40 meter dari pagar sekeliling sekolah adalah dilarang bagi semua penjaja statik, penjaja beredar dan penjaja sementara KECUALI penjaja statik atau peniaga gerai sedia ada yang berlesen dan tidak menjual makanan yang dilarang dijual seperti di Lampiran A (garis panduan ini) serta mematuhi Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 seperti di Lampiran D (garis panduan ini).
- b) Sekiranya terdapat penjaja statik atau peniaga gerai sedia ada berlesen di dalam lingkungan 40 meter dari pagar sekeliling sekolah, adalah dibenarkan menjual tetapi perlu mematuhi senarai makanan dan minuman yang dilarang dijual seperti Lampiran A (garis panduan ini) dan Peraturan-Peraturan Makanan di Lampiran D (garis panduan ini).

GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Bagi mewujudkan persekitaran yang menyokong serta memupuk amalan gaya hidup sihat sejak dibangku sekolah lagi, Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah mengeluarkan surat Larangan Penjualan Makanan dan Minuman yang Tidak Digalakkan Penjualannya di Kantin Sekolah serta menyertakan senarai Makanan dan Minuman yang Boleh dan Dilarang Dijual di Kantin Sekolah (Lampiran E).

4.0 PENGUATKUASAAN DAN PEMANTAUAN

Pemantauan pelaksanaan Garis Panduan ini merupakan satu indikator di dalam *National Plan of Action for Nutrition Malaysia III (2016-2025)*, di bawah Strategi 2, iaitu mempromosikan pemakanan sihat dan hidup aktif.

Pelaksanaan Garis Panduan Penguatuasaan Larangan Penjualan Makanan dan Minuman di Luar Pagar Sekolah oleh Pihak Berkuasa Tempatan ini hendaklah selaras dengan akta dan peraturan yang sedang berkuatkuasa.

Setiap PBT adalah bertanggungjawab memastikan setiap permohonan lesen penjaja mematuhi peraturan yang digariskan. Setiap PBT bertanggungjawab melakukan penguatuasaan terhadap sebarang penjualan makanan dan minuman di luar pagar sekolah berdasarkan kepada peraturan yang telah dinyatakan.

KPKT adalah bertanggungjawab memantau pelaksanaan bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi oleh semua PBT.

5.0 PENUTUP

Adalah diharapkan dengan penguatuasaan larangan penjualan makanan dan minuman di luar pagar sekolah ini dapat membantu mewujudkan ekosistem sekolah yang lebih sihat demi mengekang masalah obesiti (berpunca daripada pengambilan makanan atau minuman yang tinggi kandungan gula dan lemak) dan kejadian keracunan makanan dalam kalangan pelajar sekolah.

GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN

SENARAI AHLI JAWATANKUASA PENERBITAN GARIS PANDUAN

Pengerusi

Dr Feisul Idzwan bin Mustapha
Timbalan Pengarah (NCD), Bahagian Kawalan Penyakit

Ahli-ahli

Dr Rosnah binti Ramly
Ketua Sektor CVD-DM & Kanser, Bahagian Kawalan Penyakit

En. Nazli Suhardi bin Ibrahim
Timbalan Pengarah, Bahagian Pemakanan

Dr Arunah Chandran
Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Kawalan Penyakit

Dr Nurhaliza binti Zakariah
Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Kawalan Penyakit

Pn. Fatimah binti Sulong
Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pemakanan

Pn. Rafeah binti Sibil
Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan

Pn. Khairul Zarina binti Mohd Yusop
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pemakanan

Cik Maizatul Azlina binti Chee Din
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Kawalan Penyakit

Pn Siti Nur Hidayah binti Adznam
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pemakanan

En. Mohd Fikri bin Mohd Jantan
Pegawai Kesihatan Persekutuan, Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam

En. Mohd Solaino bin Sujak
Penolong Pegawai Kesihatan Persekutuan, Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam

En. Ooi Poh Keong
Pengarah Bahagian Perunding Kesihatan Persekutuan,
Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Tuan Haji Mohamad Jaafar bin Sulong
Ketua Penolong Pengarah,
Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN

LAMPIRAN A

SENARAI MAKANAN DAN MINUMAN YANG DILARANG DIJUAL OLEH PENJAJA STATIK ATAU PENIAGA GERAI SEDIA ADA BERLESEN DI DALAM LINGKUNGAN 40 METER DARI PAGAR SEKELILING SEKOLAH

MAKANAN

- a) Makanan dan minuman tidak mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan – Peraturan Makanan di bawahnya seperti:
 - i) Makanan yang telah tamat tarikh luput.
 - ii) Semua jenis makanan yang berupa permainan atau dijual bersama permainan seperti cincin, gambar, belon dan lain-lain.
 - iii) Produk makanan berbungkus yang tidak mematuhi kehendak pelabelan (keperluan asas pelabelan: Nama produk, bahasa, ramuan, pengeluar dan alamat pengeluar, berat bersih, tarikh luput (jika perlu sahaja), pengimport dan alamat pengimport (makanan import).
- b) Makanan diproses seperti kentang goreng (*french fries*) / daging burger / sosej / bebola (ikan / ayam / daging & makanan laut) / *nugget* / kek ikan / sate ikan (lok cheng) termasuk sebarang penyediaan makanan yang mengandungi produk di atas.
- c) Makanan ringan (*unhealthy snacks/junk food*) seperti *extruded snacks* (seperti *potato chips*, *prawn chips*, *crackers*), keropok berperisa (seperti keropok berperisa udang, sotong), kerepek, muruku.
- d) Gula-gula dan coklat.
- e) Jenis-jenis makanan yang telah dijeruk sama ada masam, masin atau manis, basah atau kering seperti asam masin, jeruk mangga, kulit limau dan jeruk bawang dan lain-lain makanan yang dijeruk.
- f) Semua jenis makanan yang berkrim atau bersalut gula.
- g) Produk-produk mi / bihun / ramen / kuetiau / bubur nasi / sup SEGERA dan lain-lain beserta perencah.
- h) Produk konfeksi ais dan ais krim.

MINUMAN

- a) Minuman yang dibancuh atau ditambah (*topping*) menggunakan kordial / Syrup berperisa / krimer / manisan / serbuk 3 dalam 1 / serbuk manisan / whipping cream.
- b) Minuman tenaga / isotonik / botani (herba) / berperisa / berkarbonat / buah atau berperisa buah (yang mengandungi <35% berat bagi isipadu jus buah).
- c) Teh dan kopi (larangan penjualan dan penyediaan hanya diguna pakai kepada murid sahaja).
- d) Makanan dan minuman yang beralkohol.

GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN

LAMPIRAN B



JABATAN KERAJAAN TEMPATAN KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

MAKLUMAT AKTIVITI KESIHATAN PERSEKITARAN

NEGERI :

PIHAK BERKUASA TEMPATAN :

JABATAN / BAHAGIAN / UNIT :

BULAN :

LAPORAN AKTIVITI KAWALAN KESELAMATAN DAN KEBERSIHAN MAKANAN

Aktiviti	Perkara	Bulan												Catatan
		Jan	Feb	Mar	Apr	May	Jun	Jul	Aug	Sep	Oct	Nov	Dec	
1	Jumlah Sekolah Dikawasani Operasi													
2	Jumlah Sekolah Dipantau Dalam Kawasan Operasi													0
3	Tindakan Diambil :													0
	i Kompaun													0
	ii Notis													0
	iii Rampasan													0
	iv Sitaan													0
	v Amaran Lisan													0
VERIFIKASI DAN VALIDASI LAPORAN														
Disediakan		Nama										No. Telefon (H/P)		Tarikh
Disahkan														

GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN

LAMPIRAN C



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
No. 51, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915003
Fax : 03-88915558

Rujukan Kami : JKT.D.100-1/3/2 Jld. 4 (11)
Tarikh : 13 Julai 2012

PEKELILING KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN BILANGAN 4 TAHUN 2012

GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memberi penjelasan serta panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengenai pelaksanaan **Penguatkuasaan Larangan Penjualan Makanan Dan Minuman Di Luar Pagar Sekolah Oleh PBT**.

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Jawatan Kuasa Kabinet bagi Persekitaran Hidup Yang Sihat (JKPHS) Siri 1, Bil.1/2011 pada 4 April 2011 yang dipengerusikan oleh YAB, Timbalan Perdana Menteri telah memutuskan supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengeluarkan satu garis panduan mengenai penguatkuasaan peraturan larangan penjualan makanan dan minuman di luar pagar sekolah.

GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN

3. Mesyuarat Jemaah Menteri pada **25 November 2011** telah meluluskan cadangan garis panduan khusus untuk mengawal aktiviti penjualan makanan dan minuman di luar pagar sekolah. Garis Panduan tersebut kemudiannya telah diluluskan oleh **Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan ke-65 (MNKT Ke-65)** pada **21 Mac 2012**.

GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN

4. Garis Panduan Penguatkuasaan Larangan Penjualan Makanan Dan Minuman Di Luar Pagar Sekolah Oleh Pihak Berkuasa Tempatan ini akan digunakan di PBN dan PBT bagi memastikan semua peniaga yang menjalankan aktiviti penjualan makanan dan minuman di luar pagar sekolah mematuhi peraturan yang ditetapkan. Antara lain, garis panduan ini telah menetapkan jarak 40 meter dari pagar sekeliling sekolah sebagai lingkungan jarak tapak larangan penjualan makanan dan minuman, serta senarai dan justifikasi larangan jualan mengikut jenis makanan dan minuman. Garis Panduan Penguatkuasaan Larangan Penjualan Makanan Dan Minuman Di Luar Pagar Sekolah Oleh Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **Lampiran A**.

TARIKH KUATKUASA

5. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

PEMAKAIAN

6. Pemakaian peruntukan pekeliling ini dipanjangkan kepada semua PBN dan PBT.

GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN

PERTANYAAN

7. Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut berhubung pekeliling ini boleh dikemukakan kepada:

Pengarah
Bahagian Pemakanan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 1, Blok E3, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590, Putrajaya
No. Telefon : 03-8892 4503
No. Fax : 03-8892 4511 / 4512

Pengarah
Bahagian Kesihatan Persekitaran
Jabatan Kerajaan Tempatan
Aras 26, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100, Putrajaya
No. Telefon : 03-8892 3300 / 3336
No. Fax : 03-8891 3098

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”

(DATUK ARFAR BINTI ABDUL RAZAK)
Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

13 Julai 2012

Salinan kepada :
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Datuk Bandar/ Yang Dipertua
Pihak Berkuasa Tempatan

GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN



Ketua Setiausaha
(Secretary General)

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
(Ministry of Urban Wellbeing, Housing and Local Government)

Aras 17

No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya, MALAYSIA

Tel : +(6)03-8891 5003
Faks : +(6)03-8891 5558

JKT.KS.100-1/2 (4)
17 April 2017

Semua Datuk Bandar,

Semua Yang Dipertua Majlis Perbandaran; dan

Semua Yang Dipertua Majlis Daerah.

YBhg.Datuk Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PENGUATKUASAAN LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman, YBhg.Datuk Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan, isu ini telah dibangkitkan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam Majlis Perjumpaan Ketua Setiausaha Negara bersama Datuk Bandar dan Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan pada 9 Mac 2017 bertempat di Hotel Everly Putrajaya dan dibangkitkan sekali lagi dalam perbincangan dengan KSU KPM semasa program *NBOS-Knocking On KSU's Door* di antara KSU KPM dengan Delegasi KPKT pada 4 April 2017.

3. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia juga membangkitkan isu penjualan makanan dan minuman di luar pagar sekolah yang semakin berleluasa dan kurangnya *visibility* tindakan penguatkuasaan yang dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

4. Sepertimana YBhg.Datuk Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, kawalan aktiviti penjualan makanan dan minuman di luar pagar sekolah jelas terkandung dalam Garis Panduan Penguatuasaan Larangan Penjualan Makanan dan Minuman Di Luar Pagar Sekolah oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah diedarkan melalui Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bilangan 4 Tahun

GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN


2012 (seperti di lampiran). Garis panduan ini telah menetapkan jarak 40 meter dari pagar sekeliling sekolah sebagai lingkungan jarak tapak larangan penjualan makanan dan minuman serta senarai dan justifikasi larangan jualan mengikut jenis makanan dan minuman. Jabatan Kerajaan Tempatan telah sekali lagi pada 23 Mac 2017 memperingatkan Pihak Berkuasa Tempatan agar menguatkuasa larangan tersebut.

5. Sehubungan itu, Kementerian ini memohon YBhg.Datuk Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan supaya mempertingkat penguatkuasaan ke atas penjualan makanan dan minuman diluar pagar sekolah yang jelas bertentangan dengan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian ini. Selain itu, YBhg.Datuk Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan juga dimohon supaya mengemukakan laporan berkala bagi tindakan yang telah diambil oleh PBT masing-masing berkenaan perkara ini.
6. Segala perhatian dan kerjasama YBhg.Datuk Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini didahului dengan setinggi-tinggi penghargaan.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1 Malaysia: Rakyat Didaulukan, Pencapaian Diutamakan”

Salam Hormat

(DATUK HAJI MOHAMMAD BIN MENTEK)

GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN

LAMPIRAN D

Penjaja dan pembantu yang dibenarkan menjual makanan dan minuman di luar pagar sekolah hendaklah mematuhi peraturan-peraturan berikut Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 termasuklah:

- a) Premis makanan hendaklah mempamerkan slip pendataran premis makanan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
- b) Pengendali makanan hendaklah mempunyai sijil kehadiran kursus latihan pengendali makanan daripada sekolah latihan pengendali makanan yang diiktiraf oleh KKM;
- c) Mempamerkan sijil Hadir Kursus Pengendalian Makanan semasa bermiaga;
- d) Mendapat suntikan tifoid dari pengamal perubatan berdaftar dan sentiasa membawa bukti penerimaan suntikan semasa bermiaga;
- e) Memastikan penyediaan, pembungkusan atau penghidangan makanan adalah bebas dari apa-apa pencemaran;
- f) Makanan sedia dimakan yang dihidangkan pada suhu bilik tidak boleh melebihi tempoh 4 jam dari tempoh memasak;
- g) Membungkus makanan yang perlu dibungkus dengan pembungkus yang selamat dan tidak mencemarkan makanan (penggunaan surat khabar atau kertas bercetak adalah dilarang);
- h) Memasukkan sisa-sisa makanan dan sampah ke dalam karung plastik sebelum dibuang ke dalam tong sampah;
- i) Menutup makanan dan minuman agar tidak terdedah kepada lalat, serangga lain dan habuk yang boleh mencemarkan makanan;
- j) Cuci tangan dengan sabun dan air yang bersih sebelum mengendalikan makanan dan minuman serta selepas menggunakan tandas;
- k) Gunakan penyenduk, pengepit plastik atau sarung tangan plastik untuk mengambil makanan;
- l) Gunakan baju luar atau apron bewarna cerah dan tutup kepala atau topi yang bersih ketika mengendalikan makanan;
- m) Jaga kebersihan premis makanan dan kawasan sekelilingnya;
- n) Jangan merokok semasa mengendalikan makanan; dan
- o) Semua perkakas dan peralatan mestilah sentiasa bersih, tidak sumbing atau rosak.
- p) Bekalan air hendaklah dilindungi secukupnya daripada apa-apa pencemaran.
- q) Ais hendaklah disimpan dalam bekas tertutup dan terlindung daripada sebarang pencemaran.

GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN

LAMPIRAN E



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA.

Tel : +603-8883 2545
Faks : +603-8888 5542
Web : anhisham@moh.gov.my



KKM.600-31/10/3 Jld.3 (32)
15 April 2017

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

EDARAN SURAT KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA MENGENAI LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN YANG TIDAK DIGALAKKAN PENJUALANNYA DI KANTIN SEKOLAH

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan, hasil keputusan Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Kementerian Pendidikan Malaysia Bil.14/2016 pada 7 September 2016 telah memutuskan agar makanan dalam kategori tidak digalakkan untuk dijual di kantin sekolah (berpandukan Panduan Pengurusan Kantin Sekolah Sihat 2011) telah dimasukkan ke dalam kategori dilarang untuk dijual di kantin sekolah.
3. Sehubungan itu, Surat Kementerian Pendidikan Malaysia mengenai Larangan Penjualan Makanan dan Minuman yang Tidak Digalakkan Penjualannya di Kantin Sekolah, nombor rujukan : KPM.600-14/1/56 Jld. 3 (32) bertarikh 15 Mac 2017 telah diedarkan kepada semua Jabatan pendidikan Negeri. Justeru, pihak YBhg. Datuk /Dato'/ Tuan/ Puan dipohon untuk melaksanakan dan memantau program ini di semua sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia secara berkala berdasarkan surat tersebut.
4. Bersama-sama ini disertakan beberapa dokumen untuk makluman dan tindakan pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan seperti berikut:
 - 4.1 Surat Larangan Penjualan Makanan dan Minuman yang Tidak Digalakkan Penjualannya di Kantin Sekolah,Kementerian Pendidikan Malaysia
(Lampiran 1)

GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN

4.2 Senarai Makanan dan Minuman yang Boleh dan Dilarang Dijual di Kantin Sekolah (**Lampiran 2**)

4.3 Borang Pemantauan Penjualan Makanan dan Minuman di Kantin Sekolah (**Lampiran 3**)

5. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan juga, pemantauan yang dijalankan oleh Pegawai Sains Pemakanan/ Pegawai Kesihatan Persekutaran/ Penolong Pegawai Kesihatan Persekutaran akan menggunakan borang pemantauan baru seperti di para 4.3, di mana markah diberikan secara sistem merit. Oleh kerana pelaksanaan pemantauan menggunakan kriteria baru bermula padat tahun ini, bimbingan kepada pengusaha kantin sekolah tentang makanan dan minuman yang boleh dan dilarang dijual di kantin sekolah ini perlulah dilaksanakan bagi meningkatkan kefahaman mereka tentang penjualan makanan dan minuman yang berkhasiat kepada murid.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang Ikhlas,


DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k

- YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia
- YBhg. Datuk Dr. Lokman Hakim Sulaiman
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Pengarah Kanan
Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Pengarah
Bahagian Pemakanan
Kementerian Kesihatan Malaysia

ZR/ZD/ANI/NFAS/ surat edaran negeri/20170412

GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN

- Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit Berjangkit
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Pengarah
Bahagian Pendidikan Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Setiausaha Sulit Kanan kepada
Menteri Kesihatan Malaysia

GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN

SENARAI EDARAN

1. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
Jalan Raja Syed Alwi
01000 Kangar
Perlis
2. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
Simpang Kuala, Jalan Kuala Kedah
05400 Alor Setar
Kedah
3. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 35 & 37, KOMTAR
10590 Pulau Pinang
Pulau Pinang
4. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30590 Ipoh
Perak
5. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
Tingkat 10, Wisma Sunwaymas
Lot 1, Jalan Persiaran Kayangan
40100 Shah Alam
Selangor
6. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan
Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
7. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
Jalan Rasah
70300 Seremban
Negeri Sembilan

GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN

8. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
Jalan Business City, Bandar MITC
75450 Ayer Keroh
Melaka
9. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
Jalan Persiaran Permai
81200 Johor Bahru
Johor
10. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
Jalan IM4, Bandar Indera Mahkota
25582 Kuantan
Pahang
11. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
Jalan Sultan Ismail
20920 Kuala Terengganu
Terengganu
12. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
Jalan Bayam
15590 Kota Bharu
Kelantan
13. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako
93050 Kuching
Sarawak

GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN

14. Pengarah Kesihatan Negeri

Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
Tingkat 3, Rumah Persekutuan
Jalan Mat Salleh
88590 Kota Kinabalu
Sabah

15. Pengarah Kesihatan Negeri

Jabatan Kesihatan WP Labuan
Peti surat 80832
87018 Labuan
Wilayah Persekutuan Labuan



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIAN
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTABIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
52604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8888 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

KPM.600-14/1/56 Jld.3 ()
/5 Mac 2017

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan

LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN YANG TIDAK DIGALAKKAN PENJUALANNYA DI KANTIN SEKOLAH

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberikan perhatian berat terhadap kesihatan dan keselamatan murid. Usaha-usaha untuk melindung, menjaga dan memelihara kesihatan dan keselamatan murid hendaklah diberi keutamaan.

2. Kebelakangan ini negara kita telah mengalami masalah penyakit tidak berjangkit akibat amalan pemakanan tidak sihat dan gaya hidup yang tidak aktif seperti obesiti, diabetes, hipertensi dan penyakit jantung. Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Kementerian Pendidikan Malaysia Bil 14/2016 pada 7 September 2016 telah memutuskan agar makanan dalam kategori tidak digalakkan untuk dijual dimasukkan ke dalam kategori dilarang untuk dijual di kantin sekolah.


3. Kementerian Kesihatan Malaysia melalui surat KKM.600-31/10/3 Jld.2(3) ber tarikh 21 November 2016 dan KKM.600-31/10/3 Jld.2(7) bertarikh 30 Disember 2016 telah mengeluarkan Garis Panduan Pemakanan Sihat di Sekolah dan antara lain mengariskan Senarai Makanan dan Minuman Yang Boleh Dijual Di Kantin Sekolah Berserta Maklumat kalori dan Senarai Makanan dan Minuman Yang Dilarang Dijual Di Kantin Sekolah. Senarai makanan dan minuman ini disertakan.

4. Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan semua sekolah hendaklah memastikan Garis Panduan Pemakanan Sihat di Sekolah ini di patuhi dan dikuatkuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan. Semua pengusaha kantin yang dilantik selepas surat ini dikeluarkan mesti mematuhi garis panduan ini dan bagi pengusaha yang telah dilantik sebelum surat ini dikeluarkan hendaklah membuat pindaan terhadap makanan dan minuman mengikut garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN

5. Kerjasama Y.Bhg Datuk, Dato'/Tuan dimohon untuk memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, pengetua dan guru besar di bawah pentadbiran Y.Bhg Datuk, Dato'/Tuan

Sekian, Terima kasih



s.k

1. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
2. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
3. Ketua-ketua Bahagian Kementerian Pendidikan
4. Ketua Jemaah Nazir Sekolah, Kementerian Pendidikan
5. Pegawai Perhubungan Awam, Kementerian Pendidikan

GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Lampiran 2

4.4 CADANGAN SENARAI MAKANAN DAN MINUMAN YANG BOLEH DJUAL DI KANTIN SEKOLAH BESERTA MAKLUMAT KANDUNGAN KALORI.

Pihak pengurusan sekolah perlu memastikan makanan dan minuman yang dijual di kantin dipamer nilai kalorinya. Pihak pengusaha kantin adalah bertanggungjawab di dalam melaksanakan aktiviti ini. Pihak kantin hanya perlu mempamer kandungan kalori mengikut jenis makanan dan minuman yang dijual di kantin masing-masing.

Berikut adalah cadangan senarai makanan dan minuman beserta kandungan kalori yang boleh dijual sebagai panduan bagi menjalankan aktiviti tersebut:

BIL	SENARAI MAKANAN	SUKATAN ISI RUMAH	BERAT (g)	KALORI (kcal)
NASI				
1	Nasi putih	1 cawan (2 senduk)	100	130
2	Nasi goreng - Nasi - Hirisan ayam - Sayur campur	1 cawan (2 senduk) 1 sudu makan 1 sudu makan	135 100 15 20	260
